



Ujian-ujian selanjutnya, apakah maksudnya?

Anda telah dipanggil balik untuk pemeriksaan X-ray payudara. Kebanyakan wanita yang dipanggil balik untuk ujian-ujian selanjutnya mempunyai keputusan normal (tidak mempunyai kanser payudara).

Mengapa saya dipanggil balik?

Adalah normal jika anda dipanggil balik untuk menjalani X-ray payudara yang lebih lanjut. Sebab-sebab biasa bagi panggilan balik termasuk:

Ketumpatan

Mamogram merupakan X-ray tisu/otot payudara anda. Penyebaran tisu yang tidak merata mungkin menunjukkan tanda-tanda ketaknormalan. X-ray selanjutnya boleh membantu untuk mengenal pasti sesuatu kawasan tumpat sebagai tisu kelenjar normal.

Sista

Ketumpatan bulat dengan tepi-tepi jelas biasanya ialah. Sista atau ketulan benigna atau tidak bahaya (bukan kanser). Jika tepi-tepinya tidak jelas kelihattannya maka ujian-ujian selanjutnya mungkin diperlukan.

Kalsifikasi

Bintik-bintik kalsium (kalsifikasi) boleh dilihat pada mamogram banyak wanita dan kelompok-kelompok ini biasanya normal. Namun, kelompok-kelompok kalsifikasi yang tidak teratur mungkin merupakan tanda kanser paling awal dan memerlukan ujian-ujian lebih lanjut.

Berparut

Pembedahan dulu mungkin telah meninggalkan parut pada payudara. Tisu parut membuat filem X-ray kurang jelas untuk dibaca dan anda mungkin memerlukan ujian-ujian yang lebih lanjut.

Penanda kulit

Penanda kulit yang diperlihatkan pada X-ray mungkin boleh ditempatkan di atas kawasan-kawasan yang ada parut, tahi lalat atau kawasan-kawasan yang bergejala dalam payudara untuk membantu pakar radiologi membaca X-ray itu.

Bagaimana saya dapat mengetahui keputusan X-ray payudara yang selanjutnya?

BreastScreen WA akan menelefon anda untuk memberitahu anda tentang keputusan pemeriksaan X-ray anda. Ujian-ujian tamhajan boleh dicadangkan dan ujian-ujian itu akan bergantung pada rupa mamogram itu. Jangan teragal-agak untuk bertanya, anda digalakkan mengemukakan seberapa banyak soalan yang anda suka, agar anda faham mengapa anda dipanggil balik.

Jika anda memerlukan ujian-ujian tambahan, anda akan diberikan temujanji di bagi anda menjalani ujian-ujian payudara lebih lanjut. Perkhidmatan ini adalah percuma dan wanita di kawasan luar bandar mungkin layak mendapat bantuan dari Patient Assisted Travel Scheme (PATS). Sila berjumpa GP anda untuk maklumat lebih lanjut.

Filem-filem dulu

Tolong simpan semua filem dari mamogram dan pemeriksaan ultrasound payudara yang telah anda terima dulu. Filem-filem dulu boleh menjadi bantuan besar kepada pakar radiologi kerana filem-filem itu mungkin menunjukkan kawasan yang membimbangkan pada mamogram sekarang adalah kawasan yang langsung tidak membimbangkan pada mamogram dulu.

Apakah ujian-ujian lebih lanjut yang mungkin perlu dilakukan?

Kebanyakan perubahan yang dikesan oleh mamogram adalah terlalu kecil untuk dirasakan dalam payudara dan memerlukan ujian-ujian khas.

Mamografi diagnostik Tambahan Dari pelbagai sudut

Ini melibatkan mamogram-mamogram tambahan pada payudara yang akan memusatkan perhatian pada kawasan yang berkepentingan Klinikal.

Tomosintesis Payudara / Mamografi 3D

Mamografi tiga dimensi (juga disebut tomosintesis payudara digital) menggunakan perisian komputer khas untuk menghasilkan filem payudara 3D dengan menggunakan X-ray (mamogram) yang diambil dari sudut yang berbeza-beza. Mamogram standard menghasilkan filem payudara dua dimensi (2D).

Pemeriksaan payudara klinikal

Sekiranya anda memerlukan pemeriksaan klinikal selepas filem-filem anda telah diperiksa oleh pakar radiologi; seorang doktor payudara wanita akan memeriksa payudara anda secara menyeluruh dan bercakap kepada anda tentang sejarah perubatan anda.

Ultrasound payudara

Pemeriksaan ini menggunakan gelombang bunyi (bukan sinaran) untuk memperlihatkan tisu payudara dengan lebih terperinci. Payudara akan disapu dengan gel dan sebatang kuar akan ditekan pada kulitnya.

Biopsi berpandukan imej

Biopsi payudara dilakukan dengan memasukkan jarum ke dalam payudara untuk mengambil sampel tisu dari kawasan berkepentingan klinikal, agar sampel itu boleh diperiksa di bawah mikroskop.

Pakar radiologi menjalankan prosedur dengan menggunakan panduan ultrasound atau X-ray untuk memastikan bahawa jarum itu dapat mengambil sampel tisu dari lokasi tepat. Anestetik setempat akan digunakan. Tisu itu diperiksa oleh pakar patologi dan keputusannya boleh didapati 24 jam kemudian.

Klip penanda

Kadang-kadang selepas biopsi berpandukan X-ray telah dijalankan, lokasi biopsi itu mungkin perlu ditandakan dengan klip penanda logam kecil.

Apakah semua kanser boleh dikesan oleh ujian-ujian ini?

Kebanyakan kanser payudara akan didiagnosis, tetapi tidak ada ujian yang dapat menjamin pengesanan semua kanser. Adalah penting bagi semua wanita untuk mengikuti saranan yang diberikan.

Semasa temujanji penilaian

Ini adalah Pusat Pakar pelbagai disiplin di mana anda akan menerima penilaian pakar dan pengurusan oleh pasukan pakar radiologi, patologi, jururawat, radiografi, doktor payudara dan pakar bedah kami.

Semua temujanji akan dijadualkan di sebelah pagi. Anda mungkin memerlukan masa **sehingga 8 jam** untuk menjalani penilaian penuh anda. Sila beritahu kakitangan klinik jika anda memerlukan surat sakit untuk majikan anda.

Sila bawa wang untuk meletak kereta. Atau sila telefon Transperth 13 62 13 untuk pilihan pengangkutan awam.

Keputusan kepada GP anda

Jika anda menamakan seorang GP (dan kami menggalakan anda berbuat demikian), BreastScreen WA akan memberitahu beliau mengenai temujanji ujian-ujian lebih lanjut anda. GP anda akan juga diberitahu mengenai keputusan penilaian anda.


BreastScreen WA

Telefon (08) 9323 6700 Faks (08) 9323 6799
Emel breastscreenwa@health.wa.gov.au
Translating and Interpreting Service (TIS) 13 14 50

BreastScreen WA Assessment Centres


Royal Perth Hospital (RPH) Breast Assessment Clinic

Level 3, North Block. Wellington Street, Perth, 6000



Sir Charles Gairdner Hospital

G Block, 1st floor, Hospital Avenue, Nedlands.



1 Take Gold Lift to the 1st Floor

Balbuk Bidi Watling Walk

Gold lifts

Blue lifts

Green lifts

G Block entrance

Radiology reception

R

LEVEL 1

Turn left when exiting lift

Gold lifts


Reception

BreastScreen WA


2 Walk to Breastscreen WA

BreastScreen WA Assessment Centres


Bunbury South West Health Campus Corner of Bussell Highway and Robertson Drive



Fiona Stanley Hospital Level 1 Main Hospital, 102-118 Murdoch Drive, Murdoch Tel: (08) 6152 4125



Joondalup 57 Joondalup Drive, Joondalup



BreastScreen
AUSTRALIA
A joint Australian, State and Territory Government Program

